

Misteri kehilangan MH370



HARI
KE-

Objek terapung mungkin serpihan MH370

KUALA LUMPUR 23 Mac - Serpihan pesawat yang besar mungkin boleh terapung sekiranya tangki bahan apinya kosong ketika terhempas di permukaan laut.

Sebuah laman web analisis penerbangan, *Leeham News* berkata, pesawat yang telah menggunakan kesemua bahan api akan menjadi ringan dan impaknya ke permukaan air mampu mengakibatkan salah satu sayap terpisah daripada badan.

"Sekiranya impak nahas berlaku di kawasan teluk berhampiran Thai-

land iaitu dalam satu jam selepas masa berlepas, pesawat itu masih sarat dengan bahan api.

"Jika berhampiran Australia pula, pesawat itu telah menggunakan kesemua bahan apinya. Sehubungan itu, kami berasakan ada kemungkinan sayap pesawat terpisah daripada pesawat semasa terhempas pada permukaan lautan dan kekal terapung," kata laman web itu baru-baru ini.

Semalam, Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengumumkan

penemuan satu objek timbul di kawasan Koridor Selatan oleh satelit negara China.

Beliau berkata, objek berkenaan berukuran 22 meter panjang dan 30 meter lebar seperti yang dimaklumkan oleh kedutaan China kepada kerajaan Malaysia.

Dalam pada itu, *Leeham News* memberi contoh insiden melibatkan Boeing 767-200ER yang terhempas di Lautan Hindi pada 23 November 1996 setelah dirampas

tiga warga Ethiopia bagi mendapatkan suaka politik di Australia.

Kata laman itu, impak pesawat Ethiopian Airlines itu semasa terhempas menyaksikan salah satu sayapnya terapung di permukaan laut yang cetek.

Dalam pada itu, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Kamarul Arifin Ahmad** berkata, antara faktor utama objek yang dipercayai serpihan pesawat masih gagal dikesan ialah

koordinat sebenar objek itu gagal dikesan.

"Walaupun kita diberitahu ada gambaran objek di satelit, koordinat sebenar objek berkenaan berada tidak dapat disahkan lagi berikutan faktor cuaca yang menjadi halangan utama.

"Arus ombak yang bergelora menyukarkan usaha mengesan objek berkenaan," katanya.

Menurut Kamarul Arifin, keluasan Lautan Hindi yang sangat besar juga mempengaruhi usaha mengesan objek berkenaan.